

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

252,767 individu jalani saringan penyakit tak berjangkit

Kuala Lumpur: Seramai 252,767 individu disaring untuk penyakit tidak berjangkit (NCD) di seluruh negara setakat kelmarin, berdasarkan jumlah saringan yang direkodkan aplikasi MySejahtera.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata daripada jumlah itu, seramai 173,722 individu berusia 40 tahun ke atas yang disaring mendapati 47.34 peratus disahkan menghidap NCD, manakala 46.34 peratus mempunyai faktor risiko NCD dan 6.31 peratus adalah sihat.

Katanya, seramai 79,045 individu berusia bawah 40 tahun disaring dan hasilnya mendapati 31.48 peratus daripada mereka disahkan menghidap NCD, selain 54.58 peratus mempunyai faktor risiko NCD dan 13.91 peratus adalah sihat.

Katanya, individu yang dikesan berisiko dirujuk ke klinik kesihatan untuk menjalani pemeriksaan lanjut bagi mengesahkan status kesihatan mereka dan seterusnya diberi intervensi bagi mengawal faktor risiko serta penyakit yang mungkin dihidapi.

"NCD masih menjadi beban utama penyakit di Malaysia dan hampir separuh daripada individu yang menghidap NCD tidak pernah mengetahui status kesihatan atau tidak sedar yang mereka menghidap NCD sehingga ia dikesan pada tahap yang teruk.

"Kementerian Kesihatan (KKM) menggesa agar semua masyarakat, terutama yang berumur 40 tahun ke atas, mempunyai faktor risiko NCD, dan belum pernah atau telah lama tidak menjalani saringan kesihatan, untuk segera membuat tempahan janji temu di dalam aplikasi MySejahtera dan melakukan saringan kesihatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Khairy berkata, aplikasi MySejahtera sudah dikemas kini dengan pelbagai fungsi baharu bagi menyokong pelaksanaan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) yang juga satu daripada aktiviti utama di bawah Teras 3 Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) iaitu 'Kawalan Kesihatan Kendiri'.

Katanya, pengguna MySejahtera kini dapat mengakses maklumat kesihatan mereka melalui fungsi 'Rekod Kesihatan' pada aplikasi itu selepas menjalani saringan kesihatan di fasiliti kesihatan kerajaan.

Beliau berkata, fungsi itu akan diperluaskan ke semua fasiliti swasta yang berdaftar, termasuk saringan di bawah program PeKaB40 dan PERKESO.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : DUNIA

Singapura perketat larangan merokok di tempat awam

Denda SGD\$1,000 dikenakan bagi hapuskan tabiat, lindungi kesan bahaya asap

Singapura: Mulai hari ini, sesiapa yang merokok di semua taman dan kebun awam, beberapa kawasan dekat air dan 10 pantai riadah boleh didenda hingga SGD\$1,000 (RM3,236).

Orang ramai dilarang merokok di lebih banyak tempat awam sejak 1 Julai lalu, sebagai sebahagian usaha menghapuskan tabiat itu dan melindungi Singapura daripada kesan bahaya asap rokok kedua atau *second-hand smoke* yang dihembus perokok.

Untuk memberi orang ramai masa bagi menyesuaikan diri dengan larangan yang diumumkan buat kali pertama Mac lalu itu, mereka yang merokok di tempat tambahan di mana orang ramai dilarang merokok, hanya diberi nasihat secara lisan bagi tiga bulan pertama sejak larangan itu diperkenalkan.

Lebih 1,200 nasihat lisan diberikan kepada perokok di kawasan berkenaan antara 1 Julai hingga 25 September lalu, menurut Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA), Lembaga Taman Negara (NParks), agensi air negara (PUB) dan Perbadanan Pemba-



Taman awam antara kawasan larangan merokok yang dikuatkuasakan Singapura sejak Julai lalu. (Foto AFP)

ngunan Sentosa (SDC) semalam.

Dengan berakhirnya tempoh nasihat itu semalam, mereka yang merokok di tempat larangan boleh dikenakan denda SGD\$200 (RM647) hingga SGD\$1,000 (RM3,236) jika didakwa dan didapati bersalah di mahkamah.

Poster di lokasi bebas rokok

Untuk membolehkan perokok menyesuaikan diri, ruang merokok yang khusus disediakan di 12 taman, termasuk Taman East Coast dan Taman Bishan-Ang Mo Kio serta Pantai Palawan, Siloso dan Tanjong, menurut agensi itu.

Selain itu, kain rentang, poster dan tanda *No Smoking By Law* (Tidak Dibenarkan Merokok Mengikut Undang-Undang) juga dipasang di lokasi bebas rokok

yang baru itu sebagai peringatan buat orang ramai.

Orang ramai kini dilarang merokok di lebih 49,000 tempat, baik di luar mahupun di dalam premis tertutup.

Sepanjang pertengahan pertamanya tahun ini, kira-kira 7,400 saman dikeluarkan bagi kesalahan merokok di tempat terlarang, menurut agensi itu.

Sebelum merokok dilarang di lebih banyak tempat, larangan merokok di Singapura hanya dikenakan di tempat seperti taman kejiranan di estet perumahan swasta dan awam, kolam air serta hutan simpanan.

Orang ramai juga dilarang merokok di laluan pejalan kaki yang tertutup, kawasan dalam jarak lima meter dari perhentian bas serta kolong blok.

Mulai hari ini, tindakan pe-

nguatkuasaan boleh diambil terhadap mereka yang merokok di taman dan kebun lain di bawah NParks serta tapak Air Aktif, Indah, Bersih (Air ABC) PUB yang termasuk sungai dan tasik.

Orang ramai juga dilarang merokok di kawasan tanah paya seperti Tanah Paya Terapung Sengkang serta kawasan berhampiran longkang besar.

Bagaimanapun, mereka masih boleh merokok di ruang awam yang terbuka seperti laluan pejalan kaki yang tidak bertutup dan kawasan yang tidak bertutup di tingkat atas tempat letak kereta bertingkat (MSCP).

Mereka juga boleh melakukan demikian di ruang sendiri seperti di rumah dan dalam kereta masing-masing, asalkan asap rokok tidak keluar ke tempat larangan merokok. AGENSI

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : ZON

ZON

Impak pelupusan ubat cara tidak betul

Gaya hidup sihat cegah osteoporosis

Muka 31

Buang sebarang wujudkan masalah kesihatan, pencemaran alam sekitar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Setiap kali sakit kebanyakan orang bergegas ke klinik, farmasi atau hospital berjumpa doktor, mendapat rawatan dan mengambil ubat namun, sejauh manakah ubat itu digunakan?

Isu buang ubat dalam kalangan masyarakat di negara ini bukan perkara baharu, malah dilihat masih berterusan kerana ia bukan sahaja menjurus kepada pembaziran.

Malah, isu ia juga membabitkan aspek perundangan dan masalah kesihatan penyakit tidak berjangkit yang wajar diberi perhatian serta kesan kepada alam sekitar akibat cara pelupusan ubat yang tidak tepat.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Farmasi, Siti Hawa Mohd Nor, ubat mengandungi bahan farmaseutikal dan kimia yang jika dibuang merata boleh menyebabkan pelbagai masalah dari segi kesihatan dan berlakunya pencemaran kepada alam sekitar.

"Pencemaran alam sekitar yang mungkin kita tak rasa sekarang, tetapi pada masa depan akan nampak impaknya daripada apa yang kita buat sekarang.

"Lebih membimbangkan, ubat yang dilupus dengan cara yang tidak betul boleh memberi kesan kepada orang ramai kerana ada ubat tertentu yang mengandungi bahan yang boleh menyebabkan kerosakan sel, menjejaskan fungsi otak dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Sembang Bersama Pakar bertajuk 'Pelupusan Ubat Yang Betul: Perlu Ke?' disiarkan secara dalam talian anjuran Persatuan Kesihatan Ikrum Malaysia (IKRAM Health) dengan kerjasama sebuah hospital.

Program dikendalikan oleh Ketua Seksyen Klinikal Jabatan Farmasi Hospital Sungai Buloh, Dr Syamhanin

Adnan selaku moderator turut disertai Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang sebagai ahli panel.

Siti Hawa berkata, pelbagai garis panduan melupuskan ubat sudah dikeluarkan pihak berkaitan antaranya cara menguruskan sisa farmaseutikal pada 2009, garis panduan pengendalian dan pengurusan sisa klinikal pada 2014 dan program pemulangan ubat pada 2016.

Kesan sampingan lebih ubat

Katanya, ramai orang beranggapan apabila dipulangkan lebih ubat, ia akan digunakan kepada pesakit lain namun pandangan itu tidak tepat sebaliknya ubat terbabat dilupuskan mengikut saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Jika orang ramai mengetahui kos ditanggung untuk melupuskan ubat, saya percaya mereka akan lebih menghargai ubat ini sebab perbelanjaannya bukan murah.

"Bagi kos sepanjang 2015 hingga 2019, kos melupuskan ubat ini dianggarkan berjumlah RM10.6 juta bersamaan dengan RM2.12 juta setahun. "Untuk makluman, syarikat tunggal menguruskan sisa ini di semua fasiliti kerajaan dan swasta

adalah Kualiti Alam Sdn Bhd. Kos pelupusan ubat melalui syarikat ini adalah sekitar RM2,760 untuk satu tan dan kos pengangkutan untuk membawa sisa ini ialah RM180 per palet," katanya.

Beliau berkata, antara faktor yang menyumbang kepada lebih ubat ini ialah disebabkan pesakit sudah meninggal

dunia, ubat diterima menyebabkan kesan sampingan, perubahan dos pada ubat serta ada pesakit yang tidak memakan langsung ubat diberikan. Katanya, bagi menangani masalah

terbabit KKM melaksanakan beberapa program antaranya membuka kaunter pemulangan ubat serta program *patient own medication* (pesakit bawa ubat sendiri).

"Bagi program *patient own medication*, kita minta pesakit membawa ubat mereka sendiri. Jika pesakit ada lebih ubat di rumah, mereka diminta membawanya dan jika ubat itu tidak cukup, barulah kita beri ubat tambahan.

"Dahulu ketika saya berkhidmat di Hospital Seremban, ada ubat kanser dipulangkan yang mana sebijik harganya mencecah ribuan ringgit, harga ubat ibarat boleh beli beg berjenama mahal. Masyarakat tidak nampak perkara ini sebab di fasilitik KKM, ubat diberikan secara percuma," katanya.

Ubat menyebabkan pencemaran

Sementara itu, Amrahi berkata, berdasarkan kajian dilakukan oleh BMC Public Health pada tahun lalu, sebanyak 84 peratus daripada 1,184 responden menyimpan ubat yang tidak digunakan.

Katanya, sebanyak 25 peratus lagi membuangnya di tong sampah atau lubang tandas dan hanya 27 peratus mengembalikan ubat menerusi program pemulangan ubat.

"Pada pandangan saya dari segi tanggungjawab untuk menguruskan perkara ini, ia perlu membabitkan

semua pihak. Mengambil contoh apa akan terjadi kalau ubat antibiotik dibuang ikut suka, beberapa perkara akan berlaku.

"Kalau dibuang dalam tong sampah, maka ia akan berakhir di tempat pelupusan sampah dan di sana juga ia boleh menyebabkan berlakunya pencemaran.

"Kalau ubat itu dibuat di longkang atau lubang tandas, ia akan pergi ke loji kumbahan dan boleh mengakibatkan kontaminasi kepada sistem air dan akhirnya memberi impak terus kepada manusia, haiwan, hidupan akuatik dan sebagainya.

Beliau berkata, loji kumbahan tidak berupaya merawat sisa kimia dalam air kumbahan dan ia boleh menyebabkan pencemaran sistem pengairan.

"Satu kajian di Jerman, dianggarkan 16,000 tan sisa ini dilupuskan setiap tahun dan daripada jumlah itu, antara 60 hingga 80 peratus dibuang dalam lubang tandas atau tong sampah di rumah.

"Di United Kingdom (UK) pula, kos melupuskan ubat dianggarkan berjumlah antara sehingga 150 juta pound. Jadi apa yang saya ingin sampaikan bahawa impaknya amat besar," katanya.

Justeru, beliau berharap semua pihak termasuk komuniti farmaseutikal dan masyarakat dapat memainkan peranan bagi menangani isu terbabit.



Siti Hawa Mohd Nor



Amrahi Buang

info

Cara pengendalian ubat tidak diperlukan

Langkah 1

- Asingkan ubat melepasi tarikh luput, ubat tak digunakan, ubat yang rosak, berubah bentuk fizikal, warna dan ubat disimpan dalam bekas. Masukkan ubat diasingkan ke dalam bekas sesuai.

Langkah 2

- Bawa ubat ke farmasi hospital dan klinik kesihatan berhampiran untuk tindakan lanjut.

Langkah 3

- Beri tahu keluarga, kawan dan jiran program pemulangan ubat kepada farmasi.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL



Rami menunjukkan demonstrasi pembedahan guna teknologi Robotic Surgery Assisted di Jabatan Ortopedik Hospital Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

HKL tawar pembedahan ganti sendi lutut, pinggul guna robot

Kuala Lumpur: Hospital Kuala Lumpur (HKL) kini menjadi hospital Kementerian Kesihatan (KKM) pertama menawarkan pembedahan penggantian sendi lutut dan pinggul kepada pesakit menggunakan teknologi Robotic Surgery Assisted (ROSA).

Ketua Unit Pertukaran Sendi HKL, Dr G Kunalan, berkata sejak Julai lalu pihaknya sudah melakukan pembedahan penggantian sendi lutut dan pinggul kepada seramai 21 pesakit yang mengalami masalah osteoarthritis.

Katanya, pembedahan teknologi robot memberikan ketepatan sehingga 98 peratus berbanding menggunakan sistem navigasi komputer sebelum ini yang memberikan ketepatan antara 94 sehingga 95 peratus.

“Peningkatan ketepatan ini membolehkan setiap pembedahan, terutama yang kompleks di-

rancang dengan sebaik mungkin kerana robot ini juga dapat menunjukkan lokasi dan bagaimana cara potongan tulang yang betul, selain turut memberi akses kepada ligamen,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Bengkel Pembedahan Robotik Pertama di Kompleks Pakar dan Rawatan Harian HKL di sini, semalam.

Bengkel dimulakan dengan pengenalan berkenaan ROSA oleh pakar dari Sydney, Australia Prof Madya Rami M Sorial diikuti demonstrasi pembedahan robotik penggantian sendi lutut oleh pakar berkenaan.

Dr Kunalan berkata, tempoh pesakit boleh keluar hospital selepas menjalani pembedahan itu juga lebih singkat, iaitu antara sehari sehingga dua hari berbanding sebelum ini sehingga empat hari.

Katanya, pembedahan yang mengambil masa kira-kira satu jam 30 minit itu kini mendapat permintaan kerana ketika ini terdapat lebih 100 pesakit yang kebanyakannya berusia 60 tahun ke atas berada dalam senarai menunggu.

“Pesakit yang menjalani pembedahan ini kerana sendi lutut mereka semakin haus sehingga menjejaskan aktiviti seharian, namun selepas menjalani pembedahan, kira-kira 80 peratus daripada mereka berpuas hati dengan hasil malah dapat menjalani kehidupan dengan baik semula,” katanya.

Bagaimanapun Dr Kunalan berkata, ketika ini robot bernilai RM3 juta sehingga RM6.5 juta itu adalah pinjaman daripada sebuah syarikat swasta dari Amerika Syarikat (AS) yang diterima pada Julai lalu untuk digunakan bagi tempoh setahun.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Laporan MySejahtera dibentang di Parlimen

IPOH – Laporan penuh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berkaitan perolehan aplikasi MySejahtera akan dibentangkan pada Selasa depan di Parlimen.

Pengerusinya, Wong Kah Woh berkata, pihaknya telah pun melakukan siasatan berkenaan isu tersebut melibatkan beberapa aspek.

“Aspek nombor satu adalah pelantikan KPISoft (M) Sdn. Bhd. selaku pembangun aplikasi MySejahtera. Kedua pula mengenai tempoh tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang ditawarkan.

“Seperti diumumkan Perdana Menteri, pembangunan aplikasi itu adalah bersifat CSR dan persoalannya sekarang kenapa kerajaan perlu membayar untuk penggunaan dan perkhidmatan MySejahtera,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Kah Woh berkata, kerajaan telah melakukan pembayaran bermula April tahun lalu sehinggalah September lalu.

Pada masa sama, katanya, dalam prosiding perolehan aplikasi MySejahtera yang di-

adakan pada 14 dan 21 April lalu, PAC telah memanggil dua menteri selaku saksi.

Dua menteri tersebut, menurutnya ialah Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

“Kita juga telah panggil Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (Mampu) dan pegawai-pegawainya MKN untuk beri keterangan,” katanya.

Pada 31 Mac lalu, media melaporkan, Khairy Jamaluddin menegaskan tidak timbul isu penjualan aplikasi MySejahtera kepada pihak swasta, sebaliknya apa yang berlaku adalah pemilikan MySejahtera dipindahkan sepenuhnya daripada agensi kerajaan lain kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

Ujar beliau, kerajaan juga tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada KPISoft (M) Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang menyediakan aplikasi tersebut memandangkan ia dilaksanakan melalui CSR.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : NEGARA



DEMONSTRASI pembedahan lutut dengan bantuan robot pada program '1st Robotic Assisted Live Surgery Workshop' di Hospital Kuala Lumpur semalam.

HKL mohon KKM teruskan pembedahan sendi guna robotik

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) diminta untuk mewujudkan inisiatif bagi membolehkan Hospital Kuala Lumpur (HKL) meneruskan penggunaan robot bagi rawatan pembedahan penggantian sendi.

Pakar Bedah Ortopedik HKL, Dr. Kunalan Ganthei@Annamalai berkata, robot yang menggunakan sistem Robotic Surgical Assistant (ROSA) daripada sebuah syarikat swasta di Amerika Syarikat itu mampu memperingkatkan rawatan pembedahan penggantian sendi menjadi lebih cepat dan tepat hampir 100 per-

tus.

"Robot yang ada ni cuma dipinjamkan di HKL sejak Jun lalu selama setahun dan setakat ini kita berjaya jalankan 21 pembedahan menggunakannya termasuk untuk kes-kes kompleks dan ia dapat meningkatkan ketepatan cara konvensional.

"Kami harap KKM dapat wujudkan inisiatif supaya penggunaan robot ini dapat diteruskan di HKL serta tiga lagi hospital yang menjalankan rawatan kompleks iaitu di Hospital Umum Sarawak (SGH), Hospital Raja

Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB)," katanya.

Dr. Kunalan yang juga merupakan Ketua Pembedahan Penggantian Sendi Unit HKL berkata, kos robot yang dianggarkan bernilai RM3 juta ke RM6.5 juta itu memberi respon yang sangat positif kepada pesakit.

"Pembedahan penggantian sendi secara keseluruhan adalah cara terbaik untuk merawat arthritis atau radang sendi. 80 peratus pesakit yang buat pembedahan ini berpuas hati dengan keputusan rawatan," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS/NATION

MENTAL HEALTH

NEW CABINET MEMO ON SECTION 309

Results of study on decriminalisation of suicide attempts will be discussed with stakeholders, says Khairy

PUTRAJAYA

THE Health Ministry will prepare a new cabinet memorandum relating to the application to abolish Section 309 of the Penal Code (Act 574) to decriminalise suicide attempts, as proposed by the Attorney-General's Chambers (A-GC).

Its minister, Khairy Jamaluddin, said the ministry had received a report on the study conducted by the A-GC on the decriminalisation of suicide attempts.

He said the results of the study would be discussed in an engagement session with stakeholders, including the Home Ministry, Royal Malaysian Police, armed forces and the A-GC, and would be included in the draft before being presented at the cabinet meeting.

"When I brought this up before, it seemed like the Home Ministry did not really agree. We will see how they can be persuaded to support our efforts to decrimi-

nalise suicide attempts," he said after presenting funds for mental health programmes to non-governmental organisations here on Wednesday.

The previous memorandum was an effort to decriminalise suicide attempts and to abolish or amend Section 309 of the Penal Code that lists these acts as criminal offences.

Under Section 309, those found attempting suicide could be jailed up to a year or fined or both, said Khairy.

He said whether the amendments to the Act would be tabled at the next Parliament session would depend on the decision of the cabinet when he tabled the matter for discussion.

He said his ministry had submitted applications in the 2023 Budget for the government to boost allocations for mental health, counselling and psychosocial programmes by 2.5 per cent from this year's allocation of RM408.58 million. **Bernama**



Health Minister Khairy Jamaluddin at an event to present funds for mental health programmes to non-governmental organisations in Putrajaya on Wednesday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NEWS/NATION

KNEE AND HIP REPLACEMENT

HKL OFFERS ROBOTIC HIP, KNEE SURGERY

Service available since July, enables faster patient recovery and reduces pain, says doctor

AZDEE AMIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Kuala Lumpur Hospital (HKL) has become the first government facility to provide robotic knee and hip replacement surgery services to osteoarthritis patients.

Its Joint Replacement Unit head, Dr G. Kunalan, said the services have been available since July after receiving delivery of

one unit of the Robotic Surgical Assistant (ROSA) from a private company in the United States.

He said the unit, on a one-year loan to HKL, had enabled a total of 21 joint replacement surgeries to be performed so far, including four complex cases that required the expertise of a computer navigation system.

"With the use of this robot, the precision of implant placement in the correct spot can achieve up to 98 per cent compared with 94 per cent with the conventional method.

"This, at once, reduces the pain experienced by patients after surgery and enables them to recover faster, in addition to making the implants last for a long time," he said after the first joint robotic surgery workshop at the hospital yesterday.

Dr Kunalan said the use of the robot would also help surgeons to



Among the tools used by the Kuala Lumpur Hospital's Orthopaedic Department in joint replacement robotic surgery. PIX BY ASWADI ALIAS

plan the operation using the patient's pre-surgery data from CT scans and X-rays so that the procedure could be performed more safely.

"As the robot is only on loan to HKL and the cost for each robot is between RM3 million and RM6.5 million, we hope the Health Ministry will consider getting these robots for specialist use in the four hospitals that provide this sub-specialty service.

"The four hospitals are HKL, Sarawak General Hospital in Kuching, Raja Perempuan Zainab II Hospital (HRPZ II) in Kota Baru (Kelantan) and Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star (Kedah)," Dr Kunalan added.

Meanwhile, Dr Jeffrey Jaya Raj, a consultant orthopaedic surgeon with the Joint Replacement Unit (JRU) at HKL said the introduction and incorporation of robotic assistance for surgeries was a step in the right direction.

He said it would serve as a catalyst for further improvements and advancements over time for public healthcare in Malaysia.

He said the JRU which is part of HKL's Orthopaedic Department was honoured to introduce, host and organise the first National Robotic Assisted Live Surgery Workshop under the Health Ministry (MOH) yesterday.

"We are the largest tertiary referral centre in the country. We perform a significant number of primary and complex hip replacement and knee procedures each and every year.

"So far this year we performed more than 300 procedures, which was more compared with previous years, and the year is not over yet," said Dr Jaya Raj.


Health Ministry arthroplasty sub-specialty head Dr Mohd Yu-

sof Ibrahim said an estimated 10 per cent of the adult population in Malaysia needed arthroplasty surgery due to a damaged knee or hip joint.

"Our society still lacks awareness on this surgery because only one to two per cent are willing to undergo this surgery compared with in Singapore and Thailand.

"For example, Singapore conducts more than 100 such surgeries a week, whereas here, for example, in HRPZ II, only 10 to 12 surgeries are carried out a week.

"So, the government's support for the use of robotics is needed because it will be a plus point for the MOH," Dr Mohd Yusof added.



Australia's Nepean Hospital senior orthopaedic consultant Prof Rami M. Sorial demonstrating a joint replacement surgery at the Kuala Lumpur Hospital during the 1st National Robotic Assisted Live Surgery Workshop yesterday.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

More than 250,000 screened for NCDs under MySejahtera

KUALA LUMPUR: A total of 252,767 individuals have been screened for non-communicable diseases (NCD) nationwide as of Thursday.

Citing statistics recorded in MySejahtera, Health Minister Khairy Jamaluddin said of the total number who did the screening, 173,722 individuals were aged 40 and above with 47.34% of them confirmed to have NCD, 46.34% had risks of NCD and 6.31% were healthy.

He said the remaining 79,045 individuals were below the age of 40 and the results found that 31.48% of them were confirmed to have NCD, 54.58% had NCD risk factors, and 13.91% were healthy.

Those who were found to be at risk were referred to the health clinic to undergo further examination to confirm their health status, he said, adding that they were subsequently given interventions to control risk factors and diseases they might have.

"NCDs are still a major disease burden in Malaysia and almost half of those with NCDs never know their health status or are unaware they have NCDs until they reach a severe stage," he said in a statement yesterday, according to Bernama.

As such, he urged those aged 40 and above with NCD risk factors, and who had never done a health screening, or had done it a long

time ago, to immediately book an appointment via MySejahtera to do the health screening at nearby health facilities.

Khairy said the MySejahtera application had been updated with new functions to support the implementation of the National Health Screening Initiative (NHSI), which is one of the main activities under Thrust 3 of Agenda Nasional Malaysia Sihat, a long-term plan to guide the nation towards making healthy living a culture.

According to him, MySejahtera users can now access their health information through the "Health Record" function on the application after undergoing a health screening

at a government health facility.

He said the function would be extended to all registered private facilities, including screening under the PeKa B40 and Socso programmes.

The appointment for health screening could also be made through the "appointment" function in MySejahtera, in addition to using the existing appointment system at health facilities, he added.

NHSI with the tagline "Jom Saring!" was implemented through a collaboration with the Health Ministry's strategic partners, including government agencies, the private sector and non-governmental organisations.

Among the screening programmes under NHSI are health screening services at almost all the Health Ministry's health facilities, the Health Care Scheme for the B40 Group (PeKa B40) and the Socso Health Screening Package.

Khairy said health screening under the PeKa B40 programme, which offers free health screenings, recorded a total of 724,321 screenings since its launch in 2019 and a total of 170,987 people were screened this year.

"As for the Socso Health Screening Package, almost 9,500 workers took advantage of the health screening vouchers provided until Sept 22," he said.